

PERATURAN KESELAMATAN DAN PENGGUNAAN ALATAN TANGAN

Azizi Yahaya & Chu Siew Pang
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia.

Abstrak : Artikel ini membincangkan tentang peraturan keselamatan dan juga penggunaan alatan tangan di kalangan gurur-guru kemahiran hidup. Penerangan berkenaan peraturan keselamatan dan penggunaan alatan tangan disertakan dalam bahagian dibawah.

Katakunci : peraturan keselamatan, penggunaan alatan tangan.

Peraturan Keselamatan

Heinrich (1931) telah menyatakan bahawa kemalangan tidak berlaku secara mendadak tetapi melalui satu urutan peristiwa seperti warisan dan persekitaran sosial, kesilapan seseorang dan keadaan yang tidak selamat di tempat kerja. Gould (1970) pula berpendapat bahawa kemalangan tidak akan berlaku tetapi yang menyebabkan kemalangan sebenar adalah tindakan manusia itu sendiri. Dengan itu, peraturan keselamatan tidak kira peraturan bengkel atau peraturan penggunaan alat adalah penting di dalam sebuah bengkel, sekolah dan organisasi. Walaupun amalan peraturan keselamatan ini tidak seratus peratus tetapi secara langsung dapat meminimumkan kes kemalangan.

Di dalam sebuah bengkel Kemahiran Hidup sekolah menengah, lazimnya peraturan keselamatan akan disediakan di papan kenyataan. Menerusi peraturan keselamatan yang telah disediakan, maka secara langsung dapat mendidik pelajarpelajar tentang peraturan keselamatan dari segi peraturan keselamatan bengkel pada dasarnya sehingga ke peraturan keselamatan penggunaan alatan tangan. Ini disokong oleh Laporan Pengesanan Perlaksanaan Kemahiran Hidup Sekolah Menengah (1993) yang merumuskan bahawa sebilangan kelas yang diperhatikan iaitu 85.7 peratus didapati pelajarnya mematuhi proses dan prosedur kerja sepenuhnya. Sebaliknya hanya terdapat sejumlah 14.3 peratus kurang mematuhi langkah keselamatan semasa melakukan kerja amali.

Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (1996), ilmu merupakan alat yang utama dan amat berharga kepada manusia, justeru itu ilmu akan dapat merubah diri manusia dari bebal kepada cerdik, jahil kepada tahu, gelap kepada cahaya dan derita kepada bahagian. Dengan itu, ilmu peraturan keselamatan yang tersedia ada dan didedahkan oleh pihak sekolah kepada pelajar mulai tingkatan satu, pelajar berkemungkinan besar dapat mengamalkan peraturan keselamatan menggunakan alatan tangan dengan baik, mengelakkan kemalangan dan memastikan kemalangan ke tahap paling minimum daripada berlaku sepanjang kerja amali dijalankan.

Penggunaan Alatan Tangan

Sejak Dokumentasi Pentaksiran Kerja Kursus Kemahiran Hidup mula digunakan oleh pelajar Tingkatan satu tahun 2005, pentaksiran kerja kursus ini telah merupakan sebahagian proses

pengajaran dan pembelajaran. Dalam pentaksiran tersebut, kerja kursus pelajar adalah berdasarkan empat modul dan dua dari kesemua modul tersebut adalah Reka Bentuk Dan Teknologi. Aspek penggunaan alatan tangan adalah dititikberatkan di dalam modul yang kedua dan juga modul yang keempat. Sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran, pelajar-pelajar dididik dengan cara penggunaan alatan tangan dengan selamat, kaedah penggunaan alatan yang betul dan amalan peraturan keselamatan semasa di bengkel dan kehidupan sehari-harian.

Menurut Musa Daia (1978), kanak-kanak yang cacat anggota badan seperti pekak dan buta adalah berhak juga mendapat pendidikan sebagaimana kanak-kanak yang biasa itu. Dalam sistem pendidikan di Malaysia, kanak-kanak yang istimewa ini telah disediakan sekolah-sekolah khas dan dipimpin oleh guru yang cekap dan mahir dalam perihal melayan dan mendidik mereka. Dengan itu, proses pengajaran dan pembelajaran mereka dalam aspek penggunaan alatan tangan adalah bersesuaian dengan kebolehan mereka dari segi keadaan fizikal yang ada pada mereka.

Untuk pelajar-pelajar yang lemah daya otaknya pula, guru harus lebih menumpukan perhatian dan kesabaran semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Ada antara mereka lambat menerima pengajaran dari guru, susah untuk menyesuaikan diri dalam sesuatu kumpulan dan tidak berkeyakinan terhadap diri sendiri. Dengan itu, semasa pengajaran dalam aspek penggunaan alatan tangan, guru yang bertanggungjawab harus memberi dorongan, pujian dan hadiah kepada golongan ini agar memastikan mereka berunsur menuju ke arah kemajuan. Ini disokong oleh Musa Daia (1978), yang menyatakan bahawa pihak guru yang memimpinnya itu hendaklah bersungguh-sungguh memberi didikan dari pelajaran yang sepenuhnya bagi tiap-tiap kanak-kanak itu.

Penggunaan alatan tangan oleh pelajar-pelajar di sekolah adalah dikawal dan dipantau oleh guru yang bertanggungjawab. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar hanya berpeluang menggunakan alatan tangan pada masa kerja amali. Pada waktu kelas mata pelajaran yang lain contohnya mata pelajaran Fizik, Kimia dan Bahasa, peluang penggunaan alatan tangan adalah kurang. Dengan itu, untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam menggunakan alatan tangan, pelajar tidak seharusnya bergantung sepenuh kepada guru Kemahiran Hidup. Sebaliknya proses pembelajaran pelajar itu sendiri terhadap cara penggunaan alatan tangan juga adalah penting. Pelajar-pelajar boleh cuba mempraktikkan kemahiran yang dipelajari dari sekolah di dalam rumah untuk memperkukuhkan lagi pengetahuan tentang penggunaan alatan tangan.

Di samping itu, pelajar juga harus mempraktikkan peraturan keselamatan menggunakan alatan tangan pada bila-bila masa sahaja. Namun begitu, penggunaan alatan tangan pelajar-pelajar di rumah adalah bergantung kepada 'keadaan di rumah' pelajar-pelajar itu sendiri. Ini bermaksud ada antara pelajar-pelajar yang minat dan berpeluang mempraktikkan penggunaan alatan tangan semasa kerja amali di rumah manakala ada antara pelajar yang tidak berpeluang langsung. Faktor yang mempengaruhi keadaan tersebut adalah subjektif dan tidak dapat dinafikan. Namun begitu, ada juga terdapat pelajar yang berpeluang untuk mempraktikkan penggunaan alatan tangan di rumah tetapi tidak mempunyai keinginan untuk berbuat demikian. Kefahaman dan kesedaran pelajar terhadap pembelajaran kerja amali adalah penting kerana persepsi seseorang mengenai situasi akan

menentukan fahaman dan tingkah laku dalam situasi tersebut (Sharifah Alwiah,1983). Ini juga disokong oleh Shahabuddin dan Rahizani Yaacob (2003), yang menyatakan faktor penting yang menentukan proses pembelajaran ialah keinginan individu untuk terus belajar di samping berminat untuk menerap dan mempraktikkan di dalam situasi yang sesuai.

Rujukan

- Heinrich W Heinrich Dalam Safarin (1993). "Monograf Keselamatan Bengkel ." Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional: Universiti Teknologi Malaysia.
- Gould D.C.(1970). "Fire Prevention : Protection, Hazardous Condition And Enviroment Control ."
- Chicago : America Technic Society.
- Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (1990). "Laporan Pengesanan Dan Perlaksanaan Kemahiran Hidup Sekolah Menengah 1992." Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (1988). "Sukatan Pelajaran Kemahiran Hidup PeralihanTingkatan 2." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Musa Bin Daia (1978). "Prinsip Am Pendidikan." Kelantan.:Pustaka Awam Press Sdn Bhd.
- Sharifah Alwiah Alsagoff .(1984). "Falsafah Pendidikan ." Kuala Lumpur: Heineman Asia
- Radzalli M. A. (1981). "The Development of Equipment store and Maintenance Centre for Technical and Vocational Education." Luala Lumpur.